

FINAL EXAMINATION
MARCH 2023

COURSE TITLE	FALSAFAH DAN ISU SEMASA
COURSE CODE	MPU2193
DATE/DAY	22 JUNE 2023 / THURSDAY
TIME/DURATION	05:00 PM - 07:00 PM / 02 Hour(s) 00 Minute(s)

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES :

1. Please read the instruction under each section carefully.
2. Candidates are reminded not to bring into examination hall/room any form of written materials or electronic gadget except for stationery that is permitted by the Invigilator.
3. Students who are caught breaching the Examination Rules and Regulation will be charged with an academic dishonesty and if found guilty of the offence, the maximum penalty is expulsion from the University.

(This Question Paper consists of 11 Printed Pages including front page)

BAHAGIAN A

[30 Markah]

Bahagian ini mengandungi TIGA PULUH (30) soalan aneka pilihan. Anda dikehendaki menjawab semua soalan yang dikemukakan dalam kertas OMR yang disediakan.

1. Perkataan 'falsafah' berasal dari bahasa _____.
 - A. Arab
 - B. Latin
 - C. Greek
 - D. Inggeris

2. Fungsi ilmu falsafah adalah _____.
 - I. alat mencari kebenaran dan segala fenomena yang ada
 - II. memberi pengertian tentang cara dan pandangan hidup
 - III. memberikan ajaran tentang etika dan moral
 - IV. memperkasakan ilmu kerohanian dan kerohanian
 - A. I, II
 - B. I, II, III
 - C. I, II, IV
 - D. Semua di atas

3. Ilmu falsafah memberi sumbangan berkesan dalam pelbagai disiplin ilmu termasuklah bidang _____.
 - I. ekonomi
 - II. politik
 - III. agama
 - IV. peradaban
 - A. I, II
 - B. I, II, III
 - C. I, II, IV
 - D. Semua di atas

4. Salah satu ciri falsafah dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan adalah untuk melahirkan generasi manusia yang seimbang dari sudut _____.
- I. Jasmani
 - II. Emosi
 - III. Rohani
 - IV. Intelek
- A. I, II
 - B. I, II, III
 - C. I, II, IV
 - D. Semua di atas
5. Berikut merupakan ciri-ciri falsafah Barat **KECUALI** _____.
- A. berteraskan kaedah metafizikal
 - B. mementingkan rasional
 - C. mencintai kebijaksanaan dan menyelesaikan permasalahan hidup
 - D. bersifat matematikal
6. Falsafah Teoritikal meliputi bidang _____.
- I. epistemologi
 - II. aksiologi
 - III. metafizik
 - IV. logik
- A. I, II dan III
 - B. II, III dan IV
 - C. I, II dan IV
 - D. semua di atas
7. Pilih pernyataan yang **TIDAK BENAR** mengenai falsafah politik.
- A. Menjawab persoalan tentang ciri dan konsep kerajaan yang baik
 - B. Mempunyai kaitan dengan system kerajaan marxisme dan komunisme
 - C. Memberikan hasil yang praktikal dan menjadi nasihat kepada kerajaan dalam aspek ekonomi dan pengurusan alam sekitar
 - D. Plato terkenal dengan bukunya berkaitan falsafah politik yang berjudul 'The Republic'

8. Pilih hujah yang **TIDAK** berkaitan dengan alasan penerimaan falsafah selain Barat sebagai falsafah seperti falsafah Barat _____.

- A. konsep falsafah bersifat terbuka dan tidak wajar disempitkan
- B. falsafah lebih bersifat kajian mengenai cara hidup berteraskan agama
- C. semua pemikiran bersifat falsafah dalam kalangan ahli falsafah dari seluruh dunia wajar diterima sebagai falsafah
- D. falsafah harus bersifat inklusif

9. Terdapat beberapa kaedah logik, iaitu:

- I. Deduksi
 - II. Induksi
 - III. Heuristik
 - IV. falasi
- A. I, II
 - B. I, II, III
 - C. I, II, IV
 - D. Semua di atas

10.

- Premis 1: Semua manusia akan mati
- Premis 2: Saya seorang manusia.
- Kesimpulan: Oleh itu, saya akan mati

Penghujahan di atas merujuk kepada bentuk _____.

- A. deduksi
- B. induksi
- C. heuristik
- D. abduksi

11. Pilih pernyataan yang **BENAR** mengenai logik.
- I. Logik berasal dari perkataan Yunani, iaitu 'logos'.
 - II. Logik merupakan kajian tentang penghujahan.
 - III. Penghujahan berkesan disebut sebagai falasi.
 - IV. Penghujahan membabitkan turutan premis dan kesimpulan.
- A. I, II
 - B. I, II, III
 - C. I, II, IV
 - D. Semua di atas
12. Antara faktor penyebab berlakunya falasi adalah:
- I. Data atau fakta yang tidak mencukupi.
 - II. Bersikap prejudis.
 - III. Kesimpulan yang menyeleweng.
 - IV. Andaian yang menyeleset.
- A. I, II
 - B. I, II, III
 - C. I, II, IV
 - D. Semua di atas
13. Konsep insan dari perspektif falsafah Barat boleh difahami dalam beberapa pengertian, antaranya:
- I. Manusia berteraskan kepada emosi dan intuitif.
 - II. Manusia bersifat logosentrisme.
 - III. Manusia lahir bersama panduan dalam kehidupan.
 - IV. Manusia sebagai makhluk Tuhan dan perlu patuh kepada hukum Tuhan.
- A. I, II
 - B. I, II, III
 - C. I, II, IV
 - D. Semua di atas

14. Pernyataan yang betul mengenai konsep insan dari perspektif falsafah Islam adalah:
- I. Berteraskan ajaran Islam.
 - II. Manusia diyakini sebagai hamba Allah.
 - III. Wujud penghayatan manusia sebagai wakil Tuhan.
 - IV. Manusia perlu mencari sendiri makna dan panduan hidup.
- A. I, II
 - B. I, II, III
 - C. I, II, IV
 - D. Semua di atas
15. Pemahaman tentang konsep insan yang paling popular dari perspektif falsafah India ialah:
- I. Manusia merupakan makhluk yang mempunyai ruh yang disebut 'atman'.
 - II. Terdapat kepercayaan terhadap proses kelahiran semula
 - III. Kelahiran semula bergantung kepada ketentuan Tuhan
 - IV. Penyatuan 'Atman' bersama 'Brahman' dikenal sebagai 'karma'.
- A. I, II
 - B. I, II, III
 - C. I, II, IV
 - D. Semua di atas
16. Berikut merupakan aliran falsafah (agama budaya) yang mempunyai pengaruh berkaitan konsep insan dalam kalangan masyarakat China, **KECUALI** _____.
- A. Taoisme
 - B. Buddhisme
 - C. Kufusianisme
 - D. Hinduisme

17. Pilih perbezaan yang **BETUL** mengenai pemahaman metafizik dari perspektif falsafah dan agama.
- A. Metafizik dari perspektif falsafah berkaitan perkara ghaib, sementara agama berkaitan sebab dan akibat.
 - B. Contoh kajian metafizik dari perspektif falsafah adalah berkenaan fenomena alam, sementara contoh kajian metafizik dari perspektif agama adalah berkenaan fenomena luar alam.
 - C. Kajian metafizik dari perspektif falsafah bersifat tidak rasional dan empirical, sementara agama bersifat abstrak.
 - D. Metafizik dari perspektif falsafah membahaskan tentang Syurga dan Neraka, sementara dari perspektif agama sebaliknya.
18. Terdapat beberapa konsep ketuhanan yang dikaitkan dengan metafizik, iaitu:
- I. ateisme
 - II. teisme
 - III. monoteisme
 - IV. politeisme
- A. I, II
 - B. I, II dan III
 - C. I, II dan IV
 - D. Semua di atas
19. - manusia tidak boleh mengetahui sama ada Tuhan itu wujud atau sebaliknya.
- Pemahaman manusia tentang Tuhan adalah terhad.

Pernyataan di atas merujuk kepada fahaman _____.

- A. agnostisisme
- B. ateisme
- C. monoteisme
- D. teisme

20. Tokoh aliran ateisme yang paling terkenal di dunia dengan bukunya berjudul 'Brief Answers To The Big Questions' adalah _____.
- A. George Berkeley
 - B. Friedrich Nietzsche
 - C. Stephen Hawking
 - D. Karl Marx
21. Epistemologi adalah:
- I. Teori ilmu yang mengkaji tentang ilmu dan kepercayaan.
 - II. Berasal dari perkataan Yunani yang bermaksud "ilmu" dan "kepercayaan".
 - III. Membincangkan kaedah perolehan ilmu.
 - IV. Tidak menetapkan kaedah mengesahkan sesuatu pengetahuan atau ilmu.
- A. I, II
 - B. I, II dan III
 - C. I, II dan IV
 - D. Semua di atas
22. Tokoh utama Aliran Emprisme ialah:
- I. David Hume
 - II. John Lock
 - III. Rene Descartes
 - IV. Spinoza
- A. I, II
 - B. I, II dan III
 - C. I, II dan IV
 - D. Semua di atas

23. Sesuatu perkara itu dapat dipercayai berpandukan beberapa asas atau justifikasi, seperti:
- I. Teori Kebenaran Koheran
 - II. Teori Kebenaran Koresponden
 - III. Teori Kebenaran Rasional
 - IV. Teori Kebenaran Pragmatik
- A. I, II
 - B. I, II dan III
 - C. I, II dan IV
 - D. Semua di atas
24. Kebenaran berdasarkan teori _____ merujuk kepada konsistensi antara ayat.
- A. Kebenaran Pragmatik
 - B. Kebenaran Koresponden
 - C. Kebenaran Rasional
 - D. Kebenaran Koherens
25. Antara ciri-ciri penting modenisme adalah.
- I. fahaman akal rasional semata-mata.
 - II. sains hanya satu ilmu.
 - III. kemajuan yang berterusan sebagai tujuan utama manusia.
 - IV. Kehidupan masyarakat berpaksikan ketuhanan.
- A. I, II
 - B. I, II dan III
 - C. I, III dan IV
 - D. Semua di atas
26. Ideologi sering diistilahkan sebagai _____.
- A. fahaman
 - B. disiplin ilmu
 - C. pengetahuan
 - D. idea

27. Aliran-aliran utama dalam orientasi pemikiran masyarakat kontemporari adalah _____.

- I. Ideologi Modenisme
- II. Ideologi Pascamodenisme
- III. Ideologi Relativisme
- IV. Aliran berkaitan agama

- A. I, II
- B. I, II dan III
- C. I, II dan IV
- D. Semua di atas

28. Setelah mempelajari ilmu falsafah berkenaan dekolonialisasi, mahasiswa/i perlu menyedari kepentingan:

- I. Memiliki falsafah tersendiri.
- II. Menyesuaikan diri dengan keadaan dan nilai masyarakat.
- III. Mengikuti cara, budaya dan acuan kita sendiri.
- IV. Mempertahankan nilai relatif dalam kehidupan.

- A. I, II
- B. I, II dan III
- C. I, III dan IV
- D. Semua di atas

29. Kesan negatif pemikiran Francis Bacon dan Rene Descartes adalah kepada _____.

- A. agama
- B. politik
- C. kemanusiaan
- D. alam sekitar

30. Falsafah Sejahtera merupakan senjata utama dalam usaha dekolonisasi masa kini. Falsafah ini membawa kesejahteraan kepada manusia dalam hubungan bersifat mikrokosmik dalam aspek berikut **KECUALI** _____.
- A. etika
 - B. budaya
 - C. ekonomi
 - D. sosial

*** KERTAS SOALAN TAMAT ***


UNIRAZAK
UNIVERSITI TUN ABDUL RAZAK
Copying, modifying, or reprinting, is not permitted.